

# Berhenti kerja ubah nasib keluarga

Wan bermula dengan pinjam RM2,000 kini catat jualan Tupperware Brands RM600,000 sebulan



FOTO | Munira Abdul Ghani



**WAN (INSPIRA07)...** hanya kita yang dapat mengubah nasib diri sendiri.

**>>Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilius**

asmaini@nstp.com.my

**"S**AYA berasal daripada keluarga miskin dan serba kekurangan di sebuah kampung di Muar, Johor.

"Kami sembilan beradik dibesarkan di sebuah pondok kecil yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan kemudahan air.

"Lantaran tidak mempunyai wang, saya dan kakak pernah disuruh berhenti belajar sebaik saja tamat pembelajaran sekolah rendah," demikian pengakuan Wan Lye Duan.

Wanita berusia 43 tahun yang juga Pengarah Eksekutif dan Pemilik Pusat Perniagaan Tupperware Brands itu berkata, kemiskinan yang dilalui keluarganya banyak menjadi pemangkin kepada kejayaan yang diraihinya hari ini.

Menurut Wan, dia tidak menjadikan kemiskinan sebagai halangan untuk mengubah taraf kehidupannya.

Katanya, selepas tamat pengajian di Universiti Teknologi

Malaysia (UTM) dalam bidang sains dan pendidikan, dia bekerja sebagai guru matematik di Sabah selama enam bulan sebelum bertukar ke ibu negara kerana mengikut suami.

Selepas enam tahun, Wan mula terfikir untuk menceburi bidang yang baru kerana mahu mendapatkan pendapatan lebih.

Gaji diterima ketika itu, RM3,000 sebulan tidak mencukupi untuk menyara keluarga kerana pada masa sama, dia perlu membantu keluarganya di kampung.

"Saya mengambil keputusan berhenti bekerja pada 1997, ketika itu ekonomi dunia sedang mengalami kemelesetan yang teruk.

"Suami saya juga terpaksa menukar bidang kerja dan ketika itu, kehidupan kami sekeluarga porak peranda dengan banyak tanggakan ansuran serta hutang kad kredit mencecah RM30,000.

"Saya mula mencari peluang perniagaan sendiri dengan membabitkan diri dalam bidang jualan langsung sehinggalah dipertemukan kepada perniagaan Tupperware Brands ini menerusi seorang rakan yang kemudiannya memperkenalkan

saya kepada pengurus latihan dan pengarah bahagian jualan serta pemasaran," katanya.

Tanpa menoleh ke belakang, Wan berkata dia memberanikan diri mencuba perniagaan itu pada 2002 dengan modal RM2,000 dipinjam daripada adiknya.

Selain itu, dia turut meminjam RM5,000 daripada ibunya untuk mendapatkan pembantu rumah kerana sebelum ini, dia terpaksa membawa tiga anaknya (ketika itu) bersama ke mana saja.

Dengan modal berkenaan, dia mula membeli ratusan katalog untuk diedarkan di sekitar kawasan perumahan selain menebalkan muka ke restoran dan sekolah untuk mencari pelanggan.

"Oleh kerana sibuk mengambil produk yang dipesan, saya

pernah terlupa mengambil anak di sekolah. Suami menyalahkan saya yang terlalu asyik dengan perniagaan ini hingga menimbulkan ketegangan.

"Peristiwa itu menguatkan semangat saya untuk berusaha lebih gigih bagi menebus kesalahannya sekali gus menyenangkan kehidupan keluarga," katanya yang tidak jemu turun padang hingga ke Labuan bagi memastikan organisasinya berjalan lancar.

Selepas setahun bersama Tupperware Brands, Wan mula menikmati hasilnya. Usaha kerasnya selama hampir setahun membuahkan hasil yang tidak disangka.

Dia menjadi antara lima pengurus terbaik di peringkat Malaysia, Singapura dan Brunei dan mendapat banyak insentif

tambahan seperti hadiah pelancongan ke New Zealand serta duit poket.

Pada tahun kedua, Wan mendapat tawaran membuka pusat perniagaan di Puchong. Dia merealisasikan impiannya untuk memiliki perniagaan sendiri dengan meminjam wang RM50,000 daripada seorang rakan serta menukar insentif lawatan ke Itali sebanyak RM14,250.

"Saya amat gembira kerana impian selama ini dapat direalisasikan dalam masa kurang daripada lima tahun selepas berhenti berkerja.

"Ia adalah bukti penat lelah selama ini berbaloi dan saya berharap kejayaan ini tidak akan berhenti di situ saja," katanya.

Kini, empayar perniagaan yang diasaskan Wan itu sudah pun melebihi 5,000 orang ahli dengan bilangan pengarah yang mencecah 100 orang.

Katanya, organisasinya juga pernah mencatat jualan sebanyak RM600,000 sebulan.

"Kami di Tupperware Brands bergerak dalam kumpulan seperti keluarga dan saling bantu membantu antara satu sama lain.

"Saya berpuas hati dan berusaha sedaya upaya untuk membantu ahli bawahan supaya mencapai sasaran mereka.

"Semua itu tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan

kerjasama daripada semua pihak daripada peringkat atasan hinggalah kepada ahli bawahan," katanya.

Sementara itu, biarpun diuji dengan kematian suami pada Mei tahun lalu, wanita ini nyata masih kuat semangat untuk meneruskan kehidupan bersama empat anak perempuan iaitu Suzie Teh, 18, Suzanne, 13, Suzette, 10 dan Suzon, setahun setengah.

Biarpun kehidupannya sentiasa diuji, dia akui semua itu tidak mematahkan semangatnya untuk terus berjaya dalam perniagaan berkenaan.

Katanya, tiada orang yang dapat mengubah nasib seseorang itu melainkan dirinya sendiri.

"Kalau saya bersedia dan meratap dengan segala cubaan yang melanda, saya tidak dapat mengubah apa-apa.

"Jadi sebagai seorang anak isteri dan ibu, saya perlu berusaha melakukan yang terbaik buat keluarga.

"Jalannya sudah ada di depan kita, cuma tepuk dada dan tanya selera saja sama ada mahu mencuba atau tidak.

Percayalah, kejayaan hanya akan hadir jika kita betul-betul mahunyanya," katanya yang meletakkan sasaran mahu menjadi pengarah eksekutif kanan dan mencapai jualan organisasi sebanyak RM1 juta.

Jika anda memiliki kisah benar yang mampu menjadi dorongan bagi wanita sama ada kisah peribadi atau teman, e-mel kami di [myinspira@tupperware.com](mailto:myinspira@tupperware.com) untuk memenangi Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands (Bahagian Pembaca) dan juga lawatan ke Korea Selatan.

Jika kisah ini mejadi inspirasi bagi anda, sila undi dan menang hadiah sumbangan Tupperware Brands berjumlah RM50,000. Hadiah minggu ini ialah Giant Canister with Prints 8.6L (gambar di bawah) bernilai RM77.70

**UNDI & MENANG**



Sila taip

<tupperware><jarak><anugerah><jarak>

<inspira07><jarak><nama anda><jarak><negeri

anda> hantar sms ke 32300.

Cth: tupperware anugerah inspira07 Anita Sofia Selangor.

RM0.60 akan dikenakan untuk setiap SMS. Kadar caj biasa telco dikenakan.

Tingkatkan taraf hidup anda dengan



**Tupperware**

*Brands*

Memperkayakan • Mendidik • Menceriaikan

Sertailah ribuan wanita Malaysia dan lebih 2 juta di serata dunia yang telah berjaya bersama Tupperware Brands. Tel: 1.800.88.3456 [www.tupperwarebrands.com.my](http://www.tupperwarebrands.com.my)

Tupperware

naturcare

BEAUTYCONTROL

TUPPERCHEF

Tupper Clean